

# Bagi mendapatkan bantuan menjayakan perniagaan 'Tokoh2 PAS pernah dekati saya': Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan di Dewan Rakyat, beliau pernah didampingi oleh pemimpin-pemimpin PAS dulu dan sekarang untuk mendapatkan bantuan bagi menjayakan perniagaan mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan tidak menentukan syarat orang-orang UMNO saja men-

dekati kerajaan, orang-orang PAS pun boleh berbuat demikian.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mendedahkan demikian sewaktu menjawab soal-tanahan dari Encik Wan Mohd. Najib (BN-Pasir Putih).

Penyokong kerajaan itu bertanya, adakah Timbalan Perdana Menteri sedar pemimpin-pemimpin PAS sendiri mendiskriminasi penyokong-penyokong PAS supaya tidak memajukan diri dalam hal-hal dunia seperti perusahaan dan perdagangan termasuk pembangunan negara supaya kemajuan itu dibolot oleh pemimpin-pemimpinnya sahaja.

Jika sedar, tambah beliau, adakah Timbalan Perdana Menteri pernah didampingi oleh ahli-ahli PAS untuk mendapatkan kemudahan dari kerajaan?

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Dalam jawapan asal saya tadi, saya tidak sekali-kali menyebut PAS, cuma parti pembangkang saja, bagaimanapun saya dengar perkara ini ada berlaku, sama ada betul atau tidak terulangnya kepada rakyat menentukannya."

Menjawab soalan asal dari Encik Mohd. Nakhale Haji Ahmad (Pas-Baling), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata beliau tidak sedar adanya diskriminasi ke atas kelompok-kelompok bumiputera dalam usahanya kerajaan untuk memajukan ekonomi bumiputera di bidang perdagangan dan perusahaan.

Tegasnya, adalah menjadi satu dasar kerajaan untuk membantu dan memajukan rakyat bumiputera dalam bidang ekonomi dan sosial sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Menurutnya, di dalam melaksanakan sebarang bantuan terutama dalam bidang perdagangan dan perniagaan, kerajaan akan sentiasa memastikan iaitu individu atau perkongsian bumiputera mempunyai keupayaan dan sikap ketekunan untuk berjaya dalam bidang tersebut.

Namun demikian, tambah beliau, bantuan dan kemudahan itu mungkin tidak mencukupi bagi menentukan kejayaan mereka sekiranya tidak ada keupayaan, dayausaha dan ketekunan yang datangnya dari diri mereka sendiri.

Katanya lagi, soal siapa memberi sokongan atau bantuan untuk apa juga maksud adalah masalah peribadi peniaga dan bukan soal kerajaan.

"Jika benar cuma penyokong UMNO yang mendapat peluang kerajaan, hari ini parti pembangkang akan bangkrap," ujarnya.

Kepada soalan lain dari Encik Chan Tock Chan (DAF-Kota Melaka), Timbalan Perdana Menteri berkata beliau sedang mengkaji memorandum Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia (ACCIM) untuk membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan esok.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia